



# SIARAN AKHBAR

12 JUN 2012

## TARIKH PENYERTAAN PERTANDINGAN MENULIS SURAT I MALAYSIA 2012 DILANJUTKAN SEHINGGA 15 JULAI 2012

**KUALA LUMPUR, Selasa** - Pos Malaysia hari mengumumkan bahawa tarikh tutup penyertaan bagi Pertandingan Menulis Surat I Malaysia 2012 akan dilanjutkan sehingga 15 Julai 2012. Pertandingan ini merupakan usahasama antara Pos Malaysia dengan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), Kementerian Pelajaran dan juga Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Pertandingan Menulis Surat I Malaysia yang bermula pada 1 Mei 2012 dijadualkan tamat pada 15 Jun 2012. Namun, oleh kerana ia mendapat sambutan yang positif dan menggalakkan dari sekolah-sekolah di seluruh negara, atas permintaan ramai, tarikh tutup telah dilanjutkan ke bulan yang seterusnya bagi memberi lebih masa untuk mereka menghantar penyertaan. Pertandingan ini terbahagi kepada 3 kategori iaitu : Kategori A untuk Sekolah Rendah, Kategori B untuk Sekolah Menengah Rendah dan Kategori C bagi Menengah Atas. Hadiah keseluruhan bernilai RM 30, 000 bersama hadiah saguhati dan sijil penyertaan untuk dimenangi oleh peserta.

“Pos Malaysia menerima ribuan pucuk surat daripada pelajar melalui pertandingan ini dan kami amat terharu dengan sambutan positif dan menggalakkan dari generasi muda yang bersemangat dalam meluahkan idea serta kreativiti mereka menerusi penulisan surat. Dengan melanjutkan tempoh pertandingan, kami menjangka akan menerima lebih banyak penyertaan daripada pelajar-pelajar di seluruh negara,” kata YBhg Dato’ Khalid Abdol Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Pos Malaysia Berhad.

Pelajar boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai pertandingan ini menerusi poster yang dipamerkan di sekolah-sekolah mereka atau melawat laman web [www.pos.com.my](http://www.pos.com.my) atau [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my) dan juga di laman Facebook iaitu di [www.facebook.com/suratImalaysia](http://www.facebook.com/suratImalaysia). Selain itu, mereka juga boleh menghubungi Sekretariat di talian 03 2267 2206 atau menerusi e-mel kepada [suratImalaysia@pos.com.my](mailto:suratImalaysia@pos.com.my)

-- ENDS --

Page 1 of 2

**Dikeluarkan bagi pihak Pos Malaysia Berhad oleh Bahagian Komunikasi Korporat Pos Malaysia.**

**Untuk Pertanyaan media, sila hubungi YBhg Dato Rohaiza Hashim, Ketua Kumpulan Komunikasi Korporat di talian 03-2267 2201 ([rohaiza@pos.com.my](mailto:rohaiza@pos.com.my)) atau Cik Maisara Noor Ahmad, Pengurus Penjenamaan & Hubungan Media di talian 03-2267 2204 ([maisara@pos.com.my](mailto:maisara@pos.com.my)).**

### **Mengenai Pos Malaysia**

Pos Malaysia Berhad adalah pembekal perkhidmatan komunikasi fizikal yang terulung di Malaysia. Pengalaman Pos Malaysia yang mendalam serta rangkaian yang meluas yang meliputi seluruh negara membentuk latar belakang yang kukuh untuk menyokong strategi pembangunan dan perkembangan Pos Malaysia.

Pos Malaysia mempunyai rangkaian yang meluas, iaitu melebihi 700 cawangan pos di seluruh negara di samping rangkaian pejabat Pos Mini, POS – on – Wheels (POW), POS24 (Terminal Layan Diri Automatik), wakil pos dan wakil setem, menjadikannya salah satu daripada rangkaian perniagaan yang paling menyeluruh di seluruh negara.

Unit Perniagaan Strategik Pos Malaysia, bertujuan untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti, dipercayai, menepati masa dan inovatif kepada para pelanggan kami meliputi :

- PosMel : Perkhidmatan mel
- PosLaju : Perkhidmatan kurier
- PosNiaga : Perkhidmatan perniagaan

Pos Malaysia telah berkembang dengan pesat tahun demi tahun dan kini mengorak langkah dari penyedia perkhidmatan pos kepada menjadi penyedia perkhidmatan komunikasi fizikal yang dinamik dan menyeluruh. Untuk masa hadapan, Pos Malaysia akan meneruskan usaha untuk membangun dan memperbaharui kemampuannya bagi memantapkan kedudukan serta meningkatkan daya saing dan juga meneruskan kemampuannya untuk menghubungkan rakyat Malaysia ke serata dunia. Untuk maklumat lanjut, pelanggan boleh melayari laman web kami di [www.pos.com.my](http://www.pos.com.my).